

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 08 MAC 2016, SELASA

SOALAN:

YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo akan dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebu Raya Pan Borneo merupakan projek yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun 2013. Pembinaan lebu raya sepanjang 2,239km bagi menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak itu ialah salah satu aku janji Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan agenda pembangunan infrastruktur dan ekonomi di wilayah tersebut.

Mengenai status projek Lebu Raya Pan Borneo di negeri Sabah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada minggu lalu – iaitu pada 3 Mac 2016 – telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah menerusi kaedah rakan pelaksana projek atau PDP. Model PDP ini ialah bersamaan sebagaimana model PDP Lebu Raya Pan Borneo Sarawak, Berdasarkan perancangan, Perjanjian PDP Lebu Raya Pan Borneo Sabah dijangka akan ditandatangani pada akhir bulan Mac ini.

Projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah akan dilaksanakan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd.. Anggaran kos awal projek ini ialah sebanyak RM12.86 bilion melibatkan jarak sepanjang 706km (fasa pertama). Tempoh siap pula ialah selama 5 tahun 9 bulan. Skop projek melibatkan naik taraf jalan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri sedia ada dan membina jalan baru dengan reka bentuk laluan 2 lorong 2 hala ('dual carriageway'). Ini termasuklah Jalan Pesisir Pantai Tuaran – Kudat, iaitu salah satu daripada projek Aku Janji

Kerajaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini akan dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Pelaksanaan projek untuk fasa pertama sepanjang 706km akan dimulakan terlebih dahulu dan dirancang siap pada tahun 2021. Sehubungan itu 2 projek 'kick-off' fasa pertama akan dimulakan sebaik sahaja perjanjian ditandatangani, iaitu dari Dongongon ke Papar (11km) dan Tawau ke Semporna (5km). Manakala pakej-pakej lain fasa pertama akan ditender secara berperingkat mulai suku keempat 2016.

Tuan Yang Di-Pertua;

Mengenai projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan jajaran yang terlibat ialah sepanjang 1,089km. Projek ini dilaksanakan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBUSB) melalui kaedah PDP. Skop projek PDP ini melibatkan jarak sepanjang 822km sahaja, iaitu 85% daripada jarak keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Baki jajaran telah dan sedang dilaksanakan secara konvensional menerusi peruntukan pembangunan Kerajaan.

Anggaran kos projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang dilaksanakan secara PDP ialah sebanyak RM16.488 bilion. Pelaksanaan projek telah dibahagikan kepada 2 fasa pembinaan. Fasa pertama melibatkan laluan dari Telok Melano – Sematan – Kuching – Serian – Sibul – Bintulu – Miri telah dimulakan pada tahun lalu. Manakala fasa kedua pula melibatkan laluan di bahagian Limbang dan Lawas dijangka akan dimulakan pada tahun 2018.

Projek 'kick-off' fasa pertama telah dilancarkan pada 31 Mac 2015 iaitu melibatkan laluan dari Persimpangan Jalan Nyabau ke Persimpangan Jalan Bakun sepanjang 44km. Pada masa kini projek telah mencapai kemajuan 5% dan dijangka disiapkan pada bulan Oktober 2017. Manakala projek kedua ialah dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 33km. Ia telah dimulakan pada 1 September 2015 lalu dan dijangka siap pada bulan Disember 2018. Kemajuan fizikal di tapak pada masa kini adalah mengikut jadual, iaitu 5%.

Projek ketiga iaitu dari Serian ke Pantu sepanjang 73km dijangka akan dimulakan pada minggu hadapan, iaitu pada 13 Mac 2016. Manakala baki untuk pakej-pakej lain fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan ditender secara berperingkat pada tahun ini. Keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dirancang siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2023.

Tuan Yang Di-Pertua;

Kos keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara PDP ini ialah sebanyak RM29.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM10 bilion (atau RM5 bilion untuk

setiap negeri) akan dibiayai menerusi peruntukan pembangunan RMKe-11 Kerajaan. Manakala baki kos projek (RM19.3 bilion) akan dibiayai melalui terbitan bon/sukuk di bawah DanaInfra Nasional Berhad. Untuk tahun 2016, sebanyak RM800 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan RMKe-11, iaitu RM300 juta untuk Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan RM500 juta bagi Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan bayaran kemajuan pakej-pakej yang sedang berjalan, termasuk membiayai kos pengambilan balik tanah.

Sekian. Terima kasih.